

'Usah perkecil kemampuan orang Melayu'



TAMRIN A. GHAFAR

MELAKA, Ahad—
Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Tamrin Ghafar membidas anasir-anasir yang memperkecilkan kemampuan orang Melayu yang cuba menukar corak kedudukannya dengan mengambilalih saham-saham asing.

"Kita tidak perlu hiraukan kritik-kritik yang tidak bertanggungjawab ini. Kita berharap, dalam tem-

poh lapan tahun lagi akan mencapai tahap 30 peratus hak milik ekonomi Bumi-putera," tegasnya.

Beliau berkata, tidakah perlu menoleh ke belakang lagi, perjuangan bukan sahaja untuk mengukuhkan lagi hak milik orang-orang Melayu mengikut ekuiti malah kita mesti menentukan kuasa politik akan terus berada di tangan kita.

"Untuk menjamin semua itu tercapai, orang-orang Melayu mesti bersatu dalam ertikata perpaduan

sebenarnya," kata beliau.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu Berendam memberitahu demikian sewaktu berucap di majlis perasmian kursus kader politik Pemuda UMNO di bahagian itu di sini pagi ini.

Kursus itu dirasmikan oleh Ketua Menteri, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka.

Encik Tamrin berkata, mengenai perpaduan, kata sepakat telah dicapai oleh

UMNO, Pemuda dan Wanita Bahagian Batu Berendam dan kita tidak mahu lagi bercakap mengenainya tetapi kini kita praktikkan apa yang telah kita sebut selama ini.

"Semua orang yang cintakan perpaduan mengalu-alukan langkah berkompromi ini tetapi kita merasa kesal kerana adanya segelintir manusia yang mencemikkan usaha baik kita. Agaknya mereka suka melihat krisis berpanjangan kerana mereka hanya hidup di atas krisis," katanya.

Encik Tamrin berkata, mereka bersikap hipokrit untuk kepentingan diri sendiri dan mereka boleh hidup dalam semua zaman, kata pepatah Melayu, ceki dua lawang.

"Mungkin mereka menganggap kita boleh dilalaikan dengan susunan kata-kata manis dan senyuman hipokritnya. Kepada mereka, berpijaklah di alam nyata dan jangan lagi bermain di alam khayalan," tegas beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia